

MINGGUAN: Barisan Nasional (BN) sudah menghadapi lima pilihan raya kecil selepas pilihan raya umum 2004. Apa pandangan Datuk Seri mengenai keputusan yang menyebelahi BN.

NAJIB: Alhamdulillah, sejak pilihan raya umum 2004, kita telah menghadapi lima pilihan raya kecil bermula di Kuala Berang, selepas itu Pengkalan Pasir, Batu Talam, Machap dan Ijok. Setiap kali pilihan raya kecil, kita telah mencapai keputusan yang lebih baik daripada 2004. Di Kuala Berang, majoriti kita bertambah, di Pengkalan Pasir kita menang balik daripada Pas, di Batu Talam calon bebas yang menentang kita hilang deposit, di Machap walaupun ada sedikit penurunan tetapi majoriti BN melebihi 4,000 undi. Ia satu majoriti yang besar bagi peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan di Ijok baru-baru ini, kita mendapat majoriti tambahan 201 undi.

Jadi, ini menunjukkan bahawa kerajaan BN pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masih popular di kalangan rakyat, masih mendapat keyakinan rakyat.

Selain daripada itu, jentera BN termasuk parti-parti komponen BN dan perhubungan-perhubungan negeri juga menunjukkan semangat kerja yang begitu baik dan bersungguh-sungguh. Begitu juga dengan kelicinan jentera dan komitmen ahli-ahli kita merupakan antara faktor yang menyebabkan kemenangan tersebut.

Adakah kejayaan ini mewujudkan satu keadaan selesa kepada jentera BN?

NAJIB: Setiap kali pilihan raya kecil, jentera kita telah diuji dan ia semakin 'masak' dan mahir dalam kerja-kerja pilihan raya. Ini sebagai satu latihan praktikal yang amat berguna sekali, untuk kita menghadapi pilihan raya umum yang akan datang.

Melalui pilihan raya kecil ini, apakah kelebihan yang sudah dikenal pasti BN dan apa pula kelemahan yang perlu diperbaiki di semua peringkat parti menjelang pilihan raya umum.

NAJIB: Tidak ada banyak masalah dalam BN. Saya dapat melihat semangat BN ini masih tebal dan kita tidak mudah mengaku kalah atau merasa tertekan malahan kita dapat patuh kepada prinsip BN umpamanya di kawasan Ijok.

Walaupun ada desakan atas sebab Ijok merupakan kawasan majoriti pengundi Melayu, kita tidak letak calon UMNO. Tetapi kita masih mampu mempertahankan calon MIC sebagai calon BN dan calon kita menang. Ini bererti kita dapat meyakinkan pengundi-pengundi kenapa mereka patut sokong calon BN walaupun ia bukan calon UMNO.

Ini menunjukkan BN adalah parti yang adil apabila membuat pertimbangan. Selain itu apa yang saya lihat daripada pilihan raya kecil ini, antara yang penting ialah kalau kita menyusuli seorang wakil rakyat yang popular, berkhidmat dengan baik dan disenangi oleh pengundi, jadi orang yang mengambil alih itu lebih mudah berbanding wakil rakyat yang disangsi tentang khidmatnya selama ini.

Maksud Datuk Seri?

Saya hendak tekankan bahawa betapa pentingnya semua wakil rakyat mengutamakan khidmat mereka kepada pengundi-pengundi. Ini prinsip tonggak sebagai wakil rakyat. Jangan lupa kerja asas, kerja utama kita untuk memberi khidmat bakti yang terbaik bagi kawasan pilihan raya kita, mengurangkan masalah atau sungutan rakyat dan mampu menyelesaikan banyak masalah sebelum sesuatu pilihan raya diadakan, sama ada pilihan raya umum atau pilihan raya kecil.

Jika begitu apakah masih ada masa untuk wakil rakyat memperbaiki kelemahan yang ada menjelang pilihan raya umum akan datang?

NAJIB: Kita mesti bekerja secara berterusan, jangan bekerja mengikut musim, jangan sebab bila sudah rasa dekat pilihan raya, kita buat sibuk. Pengundi-pengundi sekarang sudah cerdik. Mereka dapat menilai peranan kita ataupun khidmat kita. Jadi sebaik-baiknya semua wakil rakyat kita hendaklah bekerja bersungguh-sungguh ataupun bekerja dengan penuh rasa tanggungjawab kepada pengundi-pengundi sepanjang masa.

Dalam lima pilihan raya kecil ini, yang mana satu paling mencabar?

NAJIB: Saya ingat dua. Pertama, Pengkalan Pasir, sebab kita terpaksa berhempas-pulas dan berjuang untuk mendapatkan balik kerusi yang ada di tangan Pas dan di dalam sebuah negeri yang diperintah oleh pembangkang. Pada masa itu ada masalah apabila bekas ketua Bahagian (Datuk Ibrahim Ali, bekas Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas) menjadi calon bebas, jadi pertandingan tiga penjurua (BN-Pas-bebas). Pada kita ini satu cabaran yang hebat. Kedua, Ijok kerana beberapa faktor yang semua sudah ketahui apa sebabnya.

Apabila ada desakan supaya meletakkan calon Melayu di Ijok, bagaimana tahap kerjasama dan penerimaan penyokong-penyokong parti selepas pemilihan calon MIC dilakukan?

NAJIB: Umumnya semangat ahli-ahli parti kita positif. Maknanya mereka tahu tentang apa yang patut mereka lakukan dan ada yang bekerja dengan komitmen luar biasa. Umpamanya jentera kita yang bergerak dari rumah ke rumah melalui Wanita UMNO dan juga sayap-sayap kita. Saya lihat Pemuda dan Puteri pun bekerja dengan baik dan perhubungan-perhubungan negeri turun beramai-ramai untuk menyokong calon pilihan BN. Kita dapat menyelaraskan kerja-kerja ini dengan parti-parti komponen BN yang lain.

Apa yang dapat saya lihat apabila ada pilihan raya kecil ini, apabila pemimpin-pemimpin besar turun seperti menteri atau menteri besar ia dapat menambah keyakinan pengundi-pengundi dan ini satu



Bertaut pada semangat BN

Mukadimah

UM-6/5/2007

SELEPAS pilihan raya umum 2004, berlangsung lima pilihan raya kecil berikutan kematian ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan. Ia bermula di Kuala Berang, Terengganu diikuti Pengkalan Pasir, Kelantan, Batu Talam, Pahang, Machap, Melaka dan akhir sekali di Ijok, Selangor. Dan dalam menghadapi pilihan raya itu, seperti tradisinya jentera Barisan Nasional (BN) akan diketuai oleh orang nombor dua dalam kerajaan dan parti. Beliau ialah Timbalan Pengerusi BN dan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Walaupun terus sibuk selepas pilihan raya kecil itu, Najib pada Jumaat lalu masih meluangkan masa 30 minit untuk berkongsi pengalaman bersama wartawan *Mingguan Malaysia* mengenai lima pilihan raya kecil itu. Bertempat di pejabatnya di Putrajaya, Timbalan Perdana Menteri itu memberitahu wartawan, **HASSAN MOHD. NOOR, SAMSOR JUNET dan MOHD NIZAM YATIM** mengenai dua pilihan raya kecil yang agak mencabar baginya iaitu di Pengkalan Pasir dan Ijok.

Di Pengkalan Pasir ia melibatkan kerusi milik Pas yang turut ditandingi oleh bekas Ketua UMNO Bahagian Pasir Mas. Sementara di Ijok, seperti yang diketahui umum, DUN Ijok menyaksikan pertandingan dua penjurua antara calon BN dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) atau Keadilan.

Bagi PKR, inilah kali pertama mereka turun dalam gelanggang pilihan raya kecil selepas pilihan raya umum dan selepas penasihat parti itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan. Selain itu, PKR juga menurunkan calon Melayu, seorang tokoh korporat bagi memenangi hati pengundi-pengundi Melayu. Bagaimanapun kemenangan berpihak kepada BN.

Namun, bagi Najib, apa yang mendukacitakan, PKR menyerang peribadinya yang dianggap sebagai satu tindakan tidak adil. Apa pun beliau bersyukur kerana pengundi-pengundi telah 'mengajar' penasihat PKR itu.

"Patut dia (PKR) belajar dari segi pengajaran, pengundi dah mengajar dia bahawa kalau dia melampau keterlaluan pengundi akan menolaknya. Saya tak nak orang cuba nak mengaibkan saya tanpa saya lawan balik. Saya akan lawan balik tetapi cara berhemah, lawan tetap lawan (ketawa). Perang tetap perang," katanya.

DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK

yang kita galakkan.

Selain daripada itu, pimpinan perlu menggembelng jentera di peringkat cawangan. Ini amat penting sebab bila tiba masa pilihan raya umum, kita tidak boleh memberi tumpuan pada satu-satu kawasan. Kita kena jaga tempat masing-masing. Jadi kita kena bergantung kepada jentera di peringkat cawangan dan peti undi. Oleh itu sesuatu perlu dilakukan bagi memantapkan lagi kualiti kepimpinan di peringkat peti undi dan ketua cawangan.

Di Pengkalan Pasir, Datuk Seri menghadapi cabaran Pas manakala di Ijok berhadapan PKR dan penasihatnya Anwar Ibrahim. Bagaimana Datuk Seri menghadapi cabaran ini.

NAJIB: Setiap pilihan raya kecil itu ada keunikan dan keistimewaan masing-masing. Pilihan raya kecil satu-satu kawasan itu tidak sama. Masing-masing ada perbezaan dan strateginya yang kita mesti sesuaikan dengan keadaan setempat.

Sebab isu utama apabila sampai pilihan raya kecil ini lebih mikro, lebih kepada isu-isu tempatan. Ya lah... isu negara pun penting tetapi yang ada kaitan dengan pengundi-pengundi yang boleh mempengaruhi pilihan raya ialah isu tempatan. Berlainan dengan pilihan raya umum, ia lebih nasional.

Adakah taktik serangan peribadi oleh pembangkang di Ijok akan terbawa-bawa ke pilihan raya umum akan datang?

NAJIB: Sudah jelas bahawa kalau parti lawan menggunakan serangan peribadi, dia tidak dapat diterima oleh pengundi-pengundi, malah keputusannya menunjukkan majoriti kita bertambah.

Maknanya kalau mereka menggunakan serangan peribadi, ini menunjukkan mereka bankrap dari segi idea dan sangat rendah dari segi adab politik. Banyak pengundi terutama di kalangan orang Melayu, tidak senang hati dengan cara seperti ini.

Oleh itu, saya berbangga melihat kematangan pengundi-pengundi dan betapa mereka suka melihat kepada nilai-nilai yang baik apabila kita bertanding dalam masa pilihan raya.

Adakah BN sudah nampak isu-isu yang bakal dibangkitkan pembangkang pada pilihan raya umum akan datang?

NAJIB: Ya, kita sudah nampak. Tetapi kita nak tengok dulu apa dia akan lakukan selanjutnya. Sebab saya percaya selepas Ijok ini, dia juga akan buat post mortem dan mungkin akan ubah pendekatan. Kita tidak tahu lagi. Tetapi waima apa pun dia lakukan, BN sudah ada strategi kita sendiri, kita tidak akan menari mengikut irama mereka (ketawa).

PKR parti pelbagai kaum tetapi di Ijok, BN yang mempamerkan permuafakatan kaum dengan meletakkan calon bukan Melayu tetapi PKR menurunkan Melayu. Ini juga dilakukan di Lunas dan Telok Kemang. Apa pandangan Datuk Seri.

NAJIB: Dia (PKR) main politik, sepatutnya kalau dia ikhlas dan jujur pada prinsip ini, mereka meletak calon dari kaum India, sebab di Ijok adalah kerusi yang teramai bilangan kaum India di Malaysia dari segi peratusan iaitu 28 peratus. Peratusan ini lebih tinggi daripada kawasan Presiden MIC Datuk Seri Sany Vellu sendiri (Parlimen Sungai Siput) dan lebih tinggi dari kawasan timbalannya, Datuk G. Palanivel (Parlimen Hulu Selangor).

Yang kedua, di Selangor, MIC atau kaum India cuma mendapat tiga kerusi, walhal bilangan penduduk keturunan India di Selangor adalah 14 peratus. Mereka dapat tiga kerusi daripada 56 kerusi. Jadi takkanlah kita tidak boleh beri mereka kerusi di Ijok.

Kalau tidak di Ijok di mana lagi?. Kita akan teruskan konsep permuafakatan BN, walaupun terdapat desakan, kita kekal.

Datuk Seri, pilihan raya kecil Ijok menunjukkan terdapat kemerosotan daripada kalangan pengundi-pengundi Cina kepada BN.

NAJIB: Kita tidak boleh besarkan sangat, kononnya mereka tidak lari. Di Machap umpamanya, 63 peratus orang Cina sokong BN walaupun calon yang menentang kita adalah calon DAP. Ini bererti bahawa orang Cina masih bersama-sama kita. Adalah keadaan tertentu di mana dalam masa pilihan raya kecil, kadang-kadang sokongan itu turun naik sikit, tetapi majoriti masih dengan kita.

Jadi jangan kita gambarkan seolah-olah orang Cina sudah mengalih sokongan daripada BN. Turun naik beberapa peratus, itu perkara biasa. Kadang-kadang ia berkait juga dengan masalah tempatan. Boleh jadi dia tidak puas hati dengan khidmat wakil rakyat dahulu. Ada isu tempatan yang dia rasakan kita tidak selesa.

Difahamkan pengundi Cina kecil hati tentang isu yang ada kaitannya dengan peringkat nasional. Boleh Datuk Seri jelaskan?

NAJIB: Saya tak nak besarkan soal isu nasional. Isu nasional ini pada saya masih boleh kita *debate* lagi apa isu yang sebenarnya sebab hakikatnya orang Cina ini biasanya praktikal, dia tahu dia akan sokong pihak yang boleh memberi dia keuntungan.

Berdasarkan siri pilihan raya kecil itu, BN sudah menghadapi DAP, Pas dan PKR. Adakah kerjasama parti-parti pembangkang boleh menggugat BN?

NAJIB: Saya nampak sukar bagi pembangkang menggugat BN sebab kerjasama mereka tidak semantap BN. Masih ada lagi perbezaan pendirian yang agak besar. Jurang mereka itu masih lebar tetapi kerana desakan politik, mereka terpaksa juga menunjukkan kerjasama antara mereka, tetapi hakikatnya mereka tidak berapa serasi dari segi pendirian dan dasar parti masing-masing. Dalam soal penyertaan pilihan raya kecil pun bermasalah. Di Batu Talam, mereka suruh pulau tetapi lepas itu di Machap, mereka letak calon. Sebenarnya tidak timbul soal pulau tetapi mereka hanya fikir akan kalah. Itu sahaja. Mereka tidak meletak calon di Batu Talam kerana mereka tahu itu kubu BN, kubu UMNO.

Adakah barisan parti pembangkang ketika ini semakin lemah untuk menghadapi BN?

NAJIB: Saya tidak mahu memberi satu gambaran bahawa ancaman mereka tidak begitu hebat ataupun kedudukan mereka ini sudah merosot.

Tetapi yang pertama, saya nak nyatakan bahawa kerajaan BN masih popular di kalangan rakyat, jadi banyak orang meramalkan laluan untuk parti pembangkang agak sukar hendak menumbangkan BN tetapi di dalam politik, kita tidak boleh menduga.

Sesetengah orang berkata *politic is the art of the possible* tetapi mengikut hukum akal dan mengikut pandangan ramai, mengikut analisis sehari dua ini, mereka nampak kedudukan BN kukuh dan stabil. Bukan sahaja kukuh tetapi berada di paras yang tinggi di kalangan sokongan rakyat.

Nasihat Datuk Seri kepada komponen BN dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

NAJIB: Kita mesti bertaut pada semangat BN dan prinsip BN, *the spirit of BN*, mesti terus disuburkan sebab kejayaan BN akan lebih menyerlah kalau kita berpegang kuat kepada semangat dan prinsip BN.

Apa pula pesanan Datuk Seri kepada jentera pilihan raya BN. Perlukah digerakkan sekarang?

NAJIB: Kita sudah mulakan latihan supaya mereka faham apa tugas mereka dan sebagainya. Kita mahu menimbulkan lagi kesedaran politik mereka dan semua ini akan diperhebatkan lagi. Misalnya kita mahu pengerusi peti undi tahu apakah tugas-tugas mereka, jentera penerangan tahu tugas dia. Sayap-sayap kita, Wanita, Puteri dan Pemuda, semua perlu tahu tentang skop dan bidang tanggungjawab masing-masing. Kita mesti *build up*. Mesti ada peningkatan supaya kemuncaknya, apabila sampai masa pilihan raya itu diadakan, *we must reach your peak at that time*.

Adakah ini bermakna BN cukup bersedia jika pilihan raya umum diadakan bila-bila masa?

NAJIB: Bila-bila masa pun kita bersedia tetapi maknanya proses persediaan ini berjalan lagi.

Bagaimana sokongan orang muda berdasarkan keputusan pilihan raya Ijok?

NAJIB: Kita masih popular di kalangan orang muda tetapi mereka kritikal lebih daripada biasa dan kita mesti mengadakan pendekatan dengan golongan muda. Itu sudah dibuat dan mesti diteruskan.

Dalam setiap pilihan raya, pembangkang sentiasa melahirkan perasaan tidak berpuas hati terhadap SPR termasuk di Ijok.

NAJIB: Apa yang dia tidak puas hati dengan SPR? Sebab dia tidak menang, maka dia tidak berpuas hati. Kalau dia menang, dia puas hatilah. Yang dia duduk tala (serang) kita, masa pilihan raya, siapa

kata tidak bebas di Malaysia? Kalau tak percaya pergilah ke Ijok tengok situ, bukan main dahsyat dia serang kita.

Pembangkang juga mendakwa punca kekalahan kononnya kerana wang dan ugutan dengan tujuan rakyat nampak BN bermain kotor?

NAJIB: Masa dia menang, dia tidak sebut perkara ini, masa dia kalah sahaja (dibangkit isu itu). Kita pernah tengok ini, mana-mana tempat lain dia menang dia kata dia hebat, dia kata rakyat sokong dia. Cuba dia menang di Ijok baru-baru ini, saya rasa lagu dia lain. Tetapi sebab dia kalah dia kata lain.

Pada hakikatnya kita pun tidak tahu menang atau kalah. Banyak juga orang di kalangan penyokong kita memberitahu, kedudukan kita tidak menentu, terumbang-ambing, boleh jadi menang boleh jadi kalah. Jadi bermakna bahawa tidak ada jaminan. Kalau kita boleh tentukan, kenapa kita tak nak majoriti 3,000 dan 4,000 kenapa majoriti 1,800?

Bagaimana pula dengan tindakan pembangkang mengaitkannya dengan pengundi hantu?

NAJIB: Tak ada pengundi hantu. Ini semua imajinasi, khayalan mereka. Lepas itu mereka cuba tahan bas kononnya ada pengundi hantu dalam bas.